

11 FEB 2001

Mahathir-Buku

BUKU DR MAHATHIR EDISI ARAB DILANCARKAN

Oleh: Shakir Husain

ABU DHABI, 11 Feb (Bernama) -- Edisi bahasa Arab buku "A New Deal for Asia" Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dilancarkan di sini pada Sabtu.

Ketika bercakap pada pelancaran itu, Duta Malaysia ke Emiriyah Arab Bersatu (UAE), Datuk Syed Hussain Al Habshee berkata versi bahasa Arab buku itu akan membolehkan masyarakat yang bertutur dalam bahasa berkenaan "memahami beberapa aspek penting globalisasi daripada perspektif Asia."

Menurutnya buku itu dibaca secara meluas dalam versi bahasa Rusia, Jepun dan Melayu dan usaha sedang dilakukan bagi menterjemahkannya ke dalam bahasa Cina dan Thai.

Dalam buku ini, Dr Mahathir berkongsi pengalaman dalam menangani krisis kewangan Asia yang mengecewakan pengacau luar negara, kata Syed Hussein.

"Adalah diharapkan supaya pengalaman ini akan menjadi pengajaran berguna bagi membolehkan negara-negara Arab berwaspada dan lebih bersedia untuk menghadapi bencana kewangan yang serupa," katanya.

"Menjadi Perdana Menteri merupakan kerja sepenuh masa, tetapi meskipun mempunyai jadual yang sibuk dan tanggungjawab besar, Dr Mahathir mempunyai masa untuk menulis buku ini dan beberapa buku lain iaitu "The Way Forward, The Malay Dilemma and The Challenge", " kata Syed Hussain pada majlis itu yang turut dihadiri Pegawai khas kepada Perdana Menteri Datuk Hashim Makaruddin, Setiausaha Rendah Kementerian Penerangan UAE Saqer Ghobash dan beberapa pegawai kanan tempatan lain.

Menurut Syed Hussein, buku-buku lain tulisan Dr Mahathir mungkin juga akan diterjemahkan ke dalam bahasa Arab bagi mempromosikan idea beliau di Asia Barat.

Penerbit Linguapower Trading yang berpejabat di Dubai akan mengedar edisi baru itu di wilayah Teluk berdasarkan perjanjian yang ditandatangani pada Jumaat dengan Pelanduk Publications Malaysia.

Buku ini akan mempromosikan hubungan antara UAE dan Malaysia, kata ketua Linguapower, Dr Aquil Hadi.

-- BERNAMA

SH ES LAT RON